

Disediakan untuk _____ Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Golf Master. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk : Golf Master

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan ke atas kayu golf, penyorong beg dan aksesori-aksesori ketika berada di dalam sebarang bangunan atau dalam transit. Ianya juga melindungi kerugian ke atas barang peribadi (tidak termasuk jam tangan, barang kemas, barang perhiasan, wang, sekuriti atau setem) semasa berada dalam mana-mana premis kelab golf di dalam had wilayah yang dinyatakan.

2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- (a) Seksyen 1 – Liabiliti Awam
- (b) Seksyen 2 – Perlindungan Kemalangan Diri
- (c) Seksyen 3 – Kebakaran dan Kecurian
- (d) Seksyen 4 – Pukulan Terus ke Lubang

Perlindungan Tambahan:

- (a) Patah Kayu Golf
- (b) Dilanjutkan kepada Ahli Keluarga
 - Salah satu pasangan yang dinamakan dan anak-anak Orang Yang Diinsuranskan berumur di bawah 21 tahun dan masih di bawah tanggungan Orang Yang Diinsuranskan.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

Nota: Sila rujuk kepada ciri dan faedah penuh dan skala faedah-faedah di dalam kontrak polisi.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada pilihan pelan yang dipilih.

Pelan	Premium Tahunan untuk Individu (RM)	Premium Tahunan untuk Individu & Keluarga (RM)
Birdie	67	125
Eagle	107	165
Premium tambahan (bagi pematahan kayu golf)	25	25

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan Pendedahan

- Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-Lembaran Pendedahan Produk – Golf Master

soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Fasal warranty premium – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari polisi/pengendorsan/pembaharuan berkuatkuasa, jika gagal kontrak itu dibatalkan secara automatik.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi tidak melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kejadian-kejadian berikut:

- (a) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana kejadian berikut, khususnya:
Gempa bumi, letusan gunung berapi, perang, serangan, tindakan-tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, mogok, rusuhan, kekacauan awam, kuasa tentera atau rebutan kuasa, nuklear, letusan, perampasan atau pemilik negaraan ke atas atau pemusnahan ke atas harta oleh atau atas perintah mana-mana kerajaan atau awam atau pihak berkuasa tempatan. Jika dan bila diperlukan Orang Yang Diinsuranskan harus membuktikan sehingga Allianz berpuas hati bahawa kerugian atau kerosakan tersebut terjadi sendiri dan tidak disengajakan
(b) Apa-apa kemalangan atau apa-apa kerugian atau kerosakan ke atas mana-mana harta sekalipun atau apa-apa kerugian atau belanja apa sekalipun ekoran atau berpunca daripada sebab-sebab tadi ataupun sebarang kerugian turutan.
Apa-apa jenis liabiliti secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan atau dihasilkan oleh atau yang berpunca daripada sinaran mengion atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang aktiviti bahan nuklear
(c) Apa-apa kemalangan atau apa-apa kerugian atau kerosakan atau liabiliti yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau dihasilkan oleh atau yang berpunca daripada bahan-bahan senjata nuklear
(d) Haus dan lusuh

Nota: Senarai ini bukan menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi bagi senarai penuh pengecualian-pengecualian di dalam polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut, mana-mana terkemudian. Setelah pembatalan, sebarang pulangan bayaran premium adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami pihak kami tentang sebarang perubahan dalam profil anda dan butir-butir peribadi untuk memastikan bahawa semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu ejen berdaftar kami, pejabat cawangan atau khidmat pelanggan kami.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai polisi ini, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau layari allianz.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz
Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my
 AllianzMalaysia
 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:

Tidak berkenaan

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA FAEDAH-FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI GOLF MASTER YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/04/2020.